

MAHATHIR - KAPAL 1981

MELAKA 15 OGOS (BERNAMA). -- DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA DIJANGKA AKAN DAPAT MENGELOARKAN KIRA-KIRA 14,400 PELAUT TERLATIH DARI KATEGORI KELASI HINGGA KE JAJATAN KAPTEN KAPAL DALAM TEMPUH 10 TAHUN DARI SEKARANG HINGGA 1990.

INI ADALAH SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN LENGKAP DENGAN BERBAGAI KEMUDAHAN DAN KEMAMPUAN SELARI DENGAN KEHENDAK PEMBANGUNAN NEGARA KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN DI UPACARA PERASMIAN AKADEMI LAUT MALAYSIA TANJUNG DAHAN, KUALA SUNGAI BARU, KIRA-KIRA 51 KM DARI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA BIDANG DAN INDUSTRI PERKAPALAN DI NEGARA INI TELAH MENCAPAI TAHAP PERKEMBANGAN YANG MEMBANGGAKAN SELARAS DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG PESAT.

+SAYA YAKIN BIDANG INI AKAN TERUS BERKEMBANG SELARAS DENGAN HASRAT DAN CITA-CITA UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PERKAPALAN YANG MEMPUNYAI PENUH KEMAMPUNA.+ KATANYA. -- BERSAMBUNG 1602/MK

B571

MAHATHIR - KAPAL 2 MELAKA

INI TEGASNYA PASTI AKAN TERCAPAI MEMANDANGKAN KEPADA PERDAGANGAN NEGARA YANG LUAS DAN SEMANGKIN MENINGKAT DARI NEGARA-NEGARA ASING DAN TAHAP PEMBANGUNAN NEGARA DALAM SEKTOR-SEKTOR PERTANIAN, PERUSAHAAN DAN PERKHIDMATAN.

DATUK SRI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA DALAM KONTEKS INI, AKADEMI LAUT MALAYSIA MEMPUNYAI PERANAN YANG AMAT PENTING MEMBEKALKAN PELBAGAI KATEGORI GUNA TENAGA TERLATIH SETAKAT YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA.

+INI MERUPAKAN SATU CABARAN YANG BESAR BUKAN SAHAJA PADA AKADEMI INI TETAPI JUGA KEPADA KAUM BELIA,+ TEGASNYA.

BELIAU JUGA BERKATA, JIKA DITINJAU PERKEMBANGAN BIDANG PERKAPALAN MODEN NEGARA DAN PERBANDINGAN DIBUAT, SUDAH PASTI DIDAPATI BAHAWA MALAYSIA MERUPAKAN NEGARA YANG TERAKHIR MEMASUKI BIDANG INI.

INDIA, UMPAMANYA, TELAH MEMULAKAN BIDANG PERKAPALANNYA SEJAK TAHUN 30AN INDONESIA DISEKITAR TAHUN 40AN DAN SINGAPURA DALAM TAHUN 60AN.

OLEH YANG DEMIKIAN KATANYA NEGARA TERSEBUT JAUH LEBIH MAJU DALAM INDUSTRI PERKAPALANNYA MASING-MASING DAN MEREKA JUGA MAJU DALAM BIDANG LATIHAN DAN PEMBELAJARAN BAGI PARA PELAUTNYA. -- BERSAMBUNG 1610/MK

103

B572

MAHATHIR - KAPAL 4 MELAKA

KATANYA, +DASAR-DASAR YANG DITERIMA OLEH AKADAMI LAUT INI BOLEHLAH DIANGGAP SEBAGAI DASAR-DASAR KEBANGSAAN MENGENAI LATIHAN PERLAUTAN MEMANDANGKAN AKADAMI INI MERUPAKAN INSTITUSI UTAMA DI NEGARA INI YANG MELATIH TENAGA MANUSIA UNTUK KEPERLUAN PERKAPALAN SAUDAGAR. +

BELIAU JUGA BERHARAP KERAJAAN AKAN MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA JAWATANKUASA TERSEBUT SERTA MENGIKTIRAFKAN KEDUDUKANNYA DENGAN MEMBERI TARAF LEMBAGA KEPADANYA.

PENGETUA AKADAMI, SHEIKH OTHMAN AHMAD BERKATA BADAN PEMERIKSA YANG DIKENALI SEBAGAI LEMBAGA PEMERIKSAAN PERKAPALAN MALAYSIA TELAH DITUBUHKAN DENGAN JABATAN LAUT DILANTIK SEBAGAI SEKRETARIATNYA.

BADAN INI DIANGGOTAI OLEH PAKAR-PAKAR BERPENGALAMAN DALAM BIDANG PERKAPALAN DARI ORGANISASI PERUNDING PERKAPALAN ANTARA KERAJAAN (IMCO) SERTA PROGRAM PEMBANGUNAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UNDP) KATANYA.

MEREKA BERTANGGUNGJAWAB MENILAI TARAF DAN PEMERIKSAAN YANG DIJALANKAN SERTA DISAHKAN UNTUK MENERIMA PENGANUGERAHAN SIJIL-SIJIL KECEKAPAN SESUAI DENGAN PERATURAN-PERATURAN PERKAPALAN NEGARA.

SHEIKH OTHMAN MENEKANKAN BAHAWA KELULUSAN INI ADALAH SERAGAM DENGAN PENENTUAN DAN KEPERLUAN ANTARABANGSA DAN INI MEMBOLEHKAN PARA LULUSAN DARI AKADAMI INI BERHIJRAH DENGAN MANA-MANA ORGANISASI PERLAUTAN SELURUH DUNIA. -- BERSAMBUNG 1624/MK

MAHATHIR - KAPAL 3 MELAKA

MALAYSIA KATANYA SEHARUSNYALAH BERUSAHA DENGAN GIGIH DAN PERSEKUTUHAN UNTUK MELETAKKAN ASAS-ASAS YANG KUKUH BAGI MENJAMIN NEGARA MENCAPAI TAKAF SEBAGAI NEGARA PERKAPALAN MODEN SECEPAT MUNGKIN.

MENGENAI KURSUS PERKAPALAN YANG DIANJURKAN OLEH AKADEMI ITU, BELIAU BERKATA KURSUS-KURSUS KEJURUTERAAN LAUT JUGA AKAN DIADAKAN BAGI JURUTERA-JURUTERA KAPAL DISAMPING LATIHAN KEPEGAWAIAN DALAM BIDANG PERHUBUNGAN RADIO LAUT DAN PELAYAN HINGGA KE PERINGKAT KAPTEN KAPAL.

-BELIAU JUGA MENYUARAKAN KEYAKINIANNYA BAHAWA LEMBAGA PENJURU AKADEMI ITU AKAN DAPAT MENGENDALIKAN INSTITUSI ITU DENGAN CARA YANG PALING AFIKTIF DAN CERAP BAGI MEMENUHI OBJEKTIF-OBJEKTIFNYA.

SEBELUM ITU, Pengerusi Yayasan Mates Tengku Tan Seri Dato' Ngah Mohamad berkata satu jawatan kuasa perunding telah ditubuhkan tahun lalu untuk mewujudkan pilihan-pilihan dasar mengenai latihan perlautan untuk digunakan sebagai garis panduan oleh akademi itu. -- BERSAMBUNG 1618/MK

8573

MAHATHIR - KAPAL 5 MELAKA

SELAIN DARIPADA ITU, DUA ORANG PENASIHAT INCO BERTUGAS DI AKADEMI TERSEBUT UNTUK MEMBANTUNYA DALAM PERANCANGAN SERTA PENYEDIAAN KURSUS.

PERDANA MENTERI KEMUDIANNYA MENYERAHKAN PIAGAM AKADAMI LAUT MALAYSIA KEPADA TENGKU TAN SRI DATUK NGAH MOHAMAD. INI DIKUTI DENGAN PENYAMPAIAN SIJIL-SIJIL KEPADA 25 ORANG PEGAWAI PRA-LAUT KURSUS PERTAMA DAN 40 ORANG LEPASAN KURSUS SERBAGUNA DAN KAJIAN YANG KETUJUH.

DATIN SRI DR. SITI HASMAH PULA MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PENUNTUT-PENUNTUT TERBAIK DALAM BERBAGAI-BAGAI BIDANG.

MAZLEE ISMAIL DARI SEBERANG PERAI MUNCUL SEBAGAI PENUNTUT TERBAIK KESELURUHAN.

KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ISTERINYA DISAMBUT OLEH KETUA MENTERI ENCIK MOHAMAD ADIB HAJI ADAM DI PADANG SEKOLAH MENENGAH AHMAD, KUALA SUNGAI BARU.

KIRA-KIRA 5,000 ORANG KANAK-KANAK SEKOLAH BERATUR SEPANJANG JALAN DARI SEKOLAH TERSEBUT HINGGA KE AKADAMI LAUT MALAYSIA.

TURUT HADHIR TALAH ISTERI KETUA MENTERI PUAN ZAINIAH HUSSEIN, DATUK NANING, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI ENCIK ABDUL RAHIM DATUK TAMBY CHIK, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI HAJI ZAINAL ABIDIN NORDIN, AHLI-AHLI EXCO DAN ISTERI MASING-MASING SERTA PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN.

PETANG INI DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SRI SITI HASMAH AKAN MENGHADIRI JAMUAN TEH DI KEDIAMAN KETUA MENTERI DI SERI PERINGGIT DAN MAKAN MALAM ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MALAYSIA CAWANGAN MELAKA DI DEWAN HANG TUAH. - BERNAMA.
1622/84